

ROSLY membersihkan rumah yang dimasuki lumpur.

"Banjir kali ini dianggap yang paling buruk kerana turut membawa lumpur"

Rosly Muhammad

FOBIA LUMPUR

■ 200 penduduk Puncak Alam resah banjir kilat

Oleh Ayusliza Azizan
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Kuala Selangor

Penduduk yang terjejas banjir di sekitar Bandar Puncak Alam Fasa Dua, di sini, fobia setiap kali hujan selepas banjir kilat melanda kawasan itu dua minggu lalu.

Kejadian banjir kilat kali kedua yang berlaku di kawasan itu tahun ini mengakibatkan lebih 200 penduduk membabitkan penghuni 167 rumah di Fasa 2B3, Sinar Alam terjejas teruk.

Banjir kilat serta lumpur berlaku dalam tempoh tidak sampai tiga bulan itu mengakibatkan penduduk menjadi resah apabila berlaku hujan walaupun dalam tempoh singkat kerana pelbagai barangan dan kenderaan rosak.

Selain itu, banjir kilat yang turut melanda dua jalan utama ke Bandar Puncak Alam iaitu Jalan Meru Tambahan dan Jalan Persiaran Puncak Alam, hingga ditenggelami air mengakibatkan jalan keluar dan masuk ke bandar berkenaan terjejas.

Penduduk, Nor Azam Yahya, 43, berkata walaupun dia menjangka banjir akan melanda kawasan ini dan sempat menyelamatkan beberapa

pa barangan ke tempat tinggi, air yang masuk terlalu laju hingga paras yang tidak dijangka.

"Hujan lebat selama 30 minit mengakibatkan air mencapai paras setinggi 0.3 meter hingga tidak sempat menyelamatkan beberapa barangan termasuk buku dan nota saya dan isteri yang masih digunakan, barangan perabot dan sebuah motosikal.

"Anggaran kerugian secara keseluruhan kira-kira RM300,000 termasuk banjir yang berlaku pada Ogos lalu dan kali ini," katanya.

Nor Azam yang kini melanjutkan pengajiannya termasuk isterinya mengakui sentiasa dalam keadaan tidak tenteram berikutan banjir kilat yang melanda secara berturut-turut dalam tempoh terdekat.

Penduduk, Rosly Muhammad, 52, mengakui keletihan menghadapi bencana banjir kilat pada Ogos lalu dan kejadian baru-baru ini.

Rosly yang menjalankan perkhidmatan rawatan Islam di kediamannya itu mengakui kejadian itu menjejaskan perniagaan-

nya kerana memerlukan masa untuk melakukan kerja pembersihan.

"Kami masih trauma dengan kejadian ini dan berharap pihak bertanggungjawab menyelesaikan segera masalah ini sebelum berulang lagi.

"Banjir kali ini dianggap yang paling buruk kerana turut membawa lumpur," katanya.

Tambahnya, satu pelan tindakan jangka panjang perlu dilaksanakan segera supaya masalah banjir tidak berulang dan menjejaskan pembangunan di kawasan itu.



PENDUDUK membuang barangan rosak akibat banjir lumpur di Fasa 2B3 Sinar Alam.